



LAPORAN KEPUTUSAN KES

MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU  
PERBICARAAN JENAYAH NO : JA-45B-10-11/2021, JA-45B-10-11/2021

PP V CHONG KIM POOI

KORUM	Pesuruhjaya Kehakiman : YA Puan Suriyati Hasimah Binti Mohd Hashim
PENDAKWA RAYA	NAMA : Pendakwa Raya , EMEL : Tidak Berkaitan , NO. TEL : Tidak Berkaitan , NAMA PEGUAM/TPR : TPR Chan Lee Lee , NAMA FIRMA : Pendakwa Raya , NO. TEL FIRMA : 013-3339158 , ALAMAT FIRMA : Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, 79100 Iskandar Puteri,JOHOR BAHRU ,79100,JOHOR,MALAYSIA.
TERTUDUH	NAMA : Chong Kim Pooi , EMEL : Tiada , NO. TEL : Tiada , NAMA PEGUAM/TPR : Encik Lim Chee Chau , NAMA FIRMA : Tetuan T.Y. Teh & Partners , NO. TEL FIRMA : 03-21647002 , ALAMAT FIRMA : Suite B-11-7, Megan Avenue 1, No. 189 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur,KUALA LUMPUR ,50400,WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR),MALAYSIA.
PERTUDUHAN	NAMA OKT : Chong Kim Pooi, NO KES : JA-45B-10-11/2021, AKTA : 574/KANUN KESEKSAAN, SEKSYEN : 302, PERTUDUHAN :  Bahawa kamu di antara pada 27/9/2020 jam lebih kurang 11.30 malam sehingga 28/9/2020 jam lebih kurang 12.10 tengah malam bertempat di Alamat 14-19, Tower B Resident, Jalan Delima 3/1, Taman Daya, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim kamu telah membunuh seorang lelaki Muhammad Afiq bin Aziz (No. K/P: 920818-14-5831) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan
PERTUDUHAN PILIHAN/PINDAAN	PERTUDUHAN : Pilihan ,NAMA OKT : Chong Kim Pooi, NO KES : JA-45B-10-11/2021, AKTA : 574/KANUN KESEKSAAN, SEKSYEN : 304(a), TARikh : , PERTUDUHAN :  Bahawa kamu di antara pada 27/9/2020 jam lebih kurang 11.30 malam sehingga 28/9/2020 jam lebih kurang 12.10 tengah malam bertempat di Alamat 14-19, Tower B Resident, Jalan Delima 3/1, Taman Daya, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim kamu telah melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian terhadap seorang lelaki bernama Muhammad Afiq bin Aziz (No. K/P: 920818-14-5831) dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematiannya dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh dan boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan
KEPUTUSAN	Hukuman penjara 12 tahun penjara dtt 28/9/2020
TARIKH KEPUTUSAN	12/03/2025
TARIKH FAIL RAYUAN	26/03/2025
TARIKH DIHANTAR KEPADA ANT	13/03/2025
ALASAN PENGHAKIMAN	



Mahkamah telah mendengar hujahan mitigasi dan pemberatan oleh pihak-pihak. Mahkamah di sini ditugaskan mengimbangi kepentingan awam dan kepentingan kamu. Hukuman ialah maksima 30 tahun jadi mahkamah akan jatuhkan hukuman pada kamu hari ini. Mahkamah mensabitkan kamu diatas kesalahan di bawah pertuduhan pilihan di bawah seksyen 304(a) KK dan menjatuhkan hukuman penjara terhadap kamu 12 tahun penjara dtt 28/9/2020.

#### LATAR BELAKANG DAN FAKTA KES

1. Bersabit Repot Setia Indah 11155/20, pada 28/9/2020 jam lebih kurang 12.05 pagi, semasa Kpl Mohd Hidayat bin Kamaluddin (Pengadu) bertugas di kaunter DCC IPD JB Selatan telah terima panggilan telefon dari 1/P telah memberitahu 1/L tidak sedarkan diri di dalam rumah di alamat 14-19 Tower B Resident, Jalan Delima 3/1, Taman Daya, Johor ("tempat kejadian"). Laporan Setia Indah 11155/20.
2. Pengadu terus memaklumkan kepada anggota MPV untuk pergi ke tempat kejadian. L/Kpl Mohd Hasif bin Sharuddin (SP8) yang bertugas bersama Kpl Syahril Azwan pada ketika itu telah menghala ke rumah tempat kejadian. Apabila SP8 sampai di tempat kejadian, pengadu bernama Chong Kim Pooi (Tertuduh) berada di lobi Tower B KSL Tower dan minta bantuan naik ke atas ada satu lelaki terbaring di dalam rumah. Keadaan Tertuduh pada ketika itu baju berdarah dan dalam keadaan menangis dan meminta tolong bantuan. Seterusnya SP8 bersama Tertuduh naik ke Tingkat 14 unit rumah No. 19 dan SP8 terlihat satu lelaki Melayu terbaring dalam keadaan berdarah di hadapan tandas. SP8 terus menghubungi pusat kawalan daerah JBS untuk memanggil ambulan. Selepas beberapa minit ambulans sampai, dan pegawai perubatan telah sahkan kematian lelaki Melayu tersebut. Identiti lelaki Melayu dikenali sebagai Muhammad Afiq bin Aziz ("si mati").
3. SP8 seterusnya menghubungi pusat kawalan daerah JBS untuk memanggil teamjenayah dan forensik untuk ke lokasi. Tidak berapa lama kemudian ASP Shanker a/l Shammugam (SP5) bersama dengan Insp Fathuddin bin Zakaria (SP9) tiba di tempat kejadian bersama pasukan.
4. SP5 telah mengarahkan SP8 untuk membuat tangkapan ke atas Tertuduh dan SP5 telah mengarahkan SP8 untuk merampas pakaian yang dipakai oleh Tertuduh. Pakaian Tertuduh telah disalin dan SP8 telah merampus pakaian tersebut iaitu sehelai baju berwarna hitam yang ada kesan darah (tandaan Z) dan sehelai skirt warna kuning yang ada kesan darah (tandaan Z1) yang dipakai oleh Tertuduh. Laporan polis Setia Indah 11157/20 (Eksibit P18). SP9 telah ambil 2 swab yang ada kesan disyaki darah di tempat kejadian dan telah rampas 1 pisau berukuran 8.5 inci di tempat kejadian.
5. Aedrianee Reza Alwi (SP2) telah menjalankan analisa DNA ke atas barang kes dan mendapat swab darah di tempat kejadian dan kesan darah pada pisau yang dijumpai di tempat kejadian adalah milik si mati. Pakaian yang dipakai oleh Tertuduh iaitu baju dan skirt (tandaan Z dan Z1) turut mengandungi DNA milik si mati. SP2 telah menyediakan laporan kimia seperti di 20-FR-J-05731 dirujuk (Folio D22).
6. Dr Zubair bin Abdul Razak (SP3) merupakan pakar perubatan Forensik yang menjalankan bedah siasat terhadap si mati pada 28/9/2020 jam 3.00 petang. Pemeriksaan dada menunjukkan satu tikaman di bahagian dada kiri berukuran 2.5 x 0.3 cm bila dirapatkan dengan kedalaman 10 cm. Arah tikaman ini adalah daripada kiri ke kanan dan sedikit ke bawah. Ia telah menembusi kulit, otot dada, otot ketiga antara tulang dada, paru-paru kiri atas, kantung jantung (pericardium), arteri pulmonari, atrium kiri jantung dan aorta. Pemeriksaan dalaman menunjukkan 400 ml (termasuk darah beku) terkumpul di ruang pleura kiri dan 100 ml darah (termasuk darah beku) terkumpul di ruang kantung jantung. Pemeriksaan dalaman organ lain tidak menunjukkan apa-apa kecederaan atau penyakit yang boleh menyebabkan kematian. Pemeriksaan dalaman telah menunjukkan darah sebanyak 1700 ml terkumpul di ruang pleura kiri dan paru-paru kiri telah mengelut. Luka tikaman adalah akibat kecederaan objek tajam dan runcing seperti pisau atau yang seumpama dengannya. Sebab kematian adalah tikaman di dada kiri mengenai paru-paru kiri, arteri pulmonari, atrium kiri jantung dan aorta telah menyebabkan pendarahan yang banyak lalu menyebabkan kematian secara terus (stab wound to the chest). Laporan Post Mortem bernombor HSI 248/2020 dirujuk (Eksibit P9)
7. Aziz bin Fakir Mohd (SP7) merupakan ayah kepada si mati. Pada 27/9/2020 simati tinggal di rumah Taman Segambut Muda, Kuala Lumpur bersama dengan SP7 dan keluarga. Pada petang tersebut si mati telah terima panggilan telefon daripada teman wanita untuk pergi ke Johor. Simati memberitahu SP7 "daddy saya hendak pergi ke Johor, girlfriend saya panggil saya suruh ke Johor". Lalu Tertuduh berlepas pergi ke Johor pada sekitar jam 3-4 petang dari rumah SP7 di Kuala Lumpur. Pada keesokan harinya 28/9/2020 jam 12.30 tengahari SP7 terima panggilan telefon memaklumkan si mati telah meninggal dunia. SP7 pernah jumpa teman wanita si mati sebanyak 2 kali dan si mati serta Tertuduh telah bercinta selama lebih kurang 4 tahun. SP7 tidak tahu nama Tertuduh tetapi dapat cam si mati di kandang Tertuduh sebagai teman wanita kepada simati.
8. Teu Hsiao Seen (SP6) telah sewakan rumah tempat kejadian kepada Tertuduh mulai April 2019 sehingga ke tarikh kejadian. (Perjanjian sewa di Eksibit P15) SP6 menerima bayaran sewa melalui online banking, di mana sewa dibayar oleh Tertuduh dan Muhammad Afiq. (Salinan penyata bank – P16A dan P16B).



## ISU YANG DIBANGKITKAN DAN HUJAHAN PIHAK-PIHAK

### Hujahan Mitigasi

Pihak kami telah sediakan hujahan, tertuduh berumur 41 tahun. Sebelum ditangkap bekerja sebagai jurujual dalam talian. Ini merupakan kesalahan pertama tertuduh. Beliau tidak mempunyai rekod lampau. Tertuduh memikul tanggungjawab besar sebagai anak kepada seorang bapa yang merupakan OKU. Bapa beliau telah disahkan menghidap kanser prostat sejak tahun 2023 dan kini masih menjalani rawatan intensif. Tertuduh tiada niat untuk membunuh si mati. Sebelum kejadian tersebut si mati telah mulakan suatu pergaduhan dengan tertuduh dan si mati telah memarahi tertuduh dan menghempas barang-barang di rumah beliau.

Untuk keselamatan diri, tertuduh telah mengambil pisau untuk membela diri. Si mati tiba-tiba meluru ke atas tertuduh dan menyebabkan tertuduh tertikamnya. Ini disokong oleh eksibit P9 yang menunjukkan bahawa kematian si mati disebabkan oleh satu luka tikam. Selepas kejadian tertuduh tidak melarikan diri. Menurut keterangan SP8 lans kpl muhamad hasif bin saharudin tertuduh telah menghubungi ambulans, menunggu di lobi untuk memastikan bantuan sampai dan seterusnya membawa pihak polis ke tempat kejadian.

Pihak kami rujuk kepada kes Azwel Mohd Ali v PP [2012] 6 CLJ 809 – hukuman 10 tahun penjara dikekalkan. Christopher Anak Tanie v PP [2016] 1LNS 1146 mahkamah rayuan telah jatuh hukuman 12 tahun penjara untuk kesalahan di bawah setuju 304 KK.

Gobi Periasamy v PP [2017] 1 LNS 478 – kes mahkamah tinggi dan telah menjatuhkan hukuman penjara sebanyak 12 tahun penjara SP3 telah menjelaskan kematian disebabkan oleh 1 tikaman.

### Hujahan pemberatan

1. Elemen kepentingan umum harus diutamakan atas kepentingan peribadi Tertuduh-tertuduh yang telah mengaku salah di dalam kes ini *Rex v Kenneth John Ball 35 Cr App R 164* dan *PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256*.

2. Kepentingan awam menghendaki tertuduh diasingkan daripada masyarakat untuk tempoh yang Panjang kerana kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh ialah serius iaitu kesalahan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan yang mengundang hukuman maksima 30 tahun penjara. Jenayah yang dilakukan oleh tertuduh termasuk dalam kategori jenayah yang mewajarkan hukuman berbentuk ‘retributive’ serta ‘deterrent’ yang mencerminkan ‘the public’s intolerance and abhorrence’ terhadap jenayah yang sedemikian.

3. Walaupun seseorang tertuduh wajar diberi kredit kerana telah mengaku salah, namun keseriusan kesalahan tersebut telah meminggirkan efek keringanan pengakuan salah tersebut. *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572; Kesavan a/l Baskaran v Public Prosecutor [2008] 6 MLJ 384; [2008] 6 CLJ 390; Public Prosecutor v Karthiselvam a/l Vengatan [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632*. Kes *Public Prosecutor v Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155* telah memutuskan:

“As I have said earlier, all three pleaded guilty. Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime.”

4. Tidak ada peraturan yang menyatakan sesuatu pengakuan salah itu akan secara automatik membolehkan tertuduh mendapat hukuman yang lebih ringan.

5. Pohon hukuman pencegahan dijatuhkan ke atas Tertuduh iaitu satu hukuman pemerlakaan yang berat kerana kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh ialah serius iaitu telah menyebabkan kematian kepada seorang insan manusia. Si mati telah dinafikan hak untuk menikmati hidup. Nyawa beliau tidak dapat dikembalikan. Pihak pendakwaan memohon agar Mahkamah Yang Mulia ini menjatuhkan hukuman berat (penjara) yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh.

6. Hukuman berat sebagai pengajaran kepada Tertuduh supaya dicegah melakukan kesalahan yang sama dan juga mencegah orang awam daripada melakukan kesalahan yang sama kerana Hukuman pemerlakaan yang berat yang dijatuhkan dapat secara langsung atau tidak langsung dapat mencegah orang awam daripada melakukan kesalahan yang sama.

7. Mohon mahkamah untuk merujuk kepada trend of sentencing pihak pendakwaan seperti yang dilampirkan yang mana hukuman adalah antara 15 tahun sehingga 20 tahun di mahkamah rayuan. Pihak pendakwaan dengan rendah diri memohon agar suatu hukuman berat yang setimpal diberikan ke atas Tertuduh

8. Kes Azwel Mohd Ali v PP [2012] 6 CLJ 809 ialah melibatkan tertuduh yang merupakan youthful offender iaitu 17 tahun 2 bulan sewaktu kejadian dan tertuduh dalam kes ini bukan youthful offender.

9. Pengakuan salah ini tidak menjimatkan masa pihak-pihak kerana 9 saksi pendakwaan telah dipanggil dan representasi hanya dimasukkan selepas SP9 memberi keterangan. Dengan itu tidak ada diskuan yang wajar diberikan kepada tertuduh

## CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA NEGERI/AGENSI



Tiada rayuan terhadap keputusan Y.A memandangkan hanya terdapat satu luka tikaman di dada kiri yang telah menyebabkan kematian ke atas si mati. Tertuduh tidak mlarikan diri dan telah memanggil polis dan ambulans selepas kejadian berlaku. Kejadian berlaku atas kemalangan semasa pertengkaran, si mati ialah teman lelaki kepada tertuduh. Trend of sentencing yang dikemukakan oleh peguambela di Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rayuan ialah antara 10 – 12 tahun penjara. Trend of sentencing pihak TPR ialah antara 15-20 tetapi cara pembunuhan di dalam kes tersebut adalah lebih kejam berbanding dengan kes ini.

Public Prosecutor v Muhammad Saifullah Bin Awang @ Ismail [2016] MLJU 1723 - Hukuman 8 tahun penjara oleh Mahkamah Tinggi dinaikkan kepada 12 tahun penjara oleh Mahkamah Rayuan bagi pengakuan salah untuk pertuduhan pilihan di bawah seksyen 304(a) KK. Hanya 1 tikaman ke atas si mati juga dalam kes tersebut.

Nama : CHAN LEE LEE  
Jawatan : TIMBALAN PENDAKWA RAYA  
No. Telefon : 013-3339158

#### CADANGAN PENGARAH PENDAKWAAN NEGERI/AGENSI

Setuju. Tiada rayuan difailkan. Hukuman memadai berdasarkan fakta dan mengikut trend of sentencing

#### ULASAN KETUA UNIT RAYUAN

Sila kaji dan bincang.

#### CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN

YA Datin KUR,

Setelah mengkaji LKK dan berbincang dengan TPR yang mengendalikan kes ini saya bersetuju dengan cadangan Tuan PPN yang tidak mencadangkan rayuan dibuat atas keputusan 12 tahun penjara bagi pertuduhan pilihan s.304(a) KK. Alasan saya adalah seperti berikut:

1. Setelah representasi diterima OKT telah mengaku salah sebaik sahaja pertuduhan pilihan dikemukakan.
2. OKT (teman wanita) dan simati adalah pasangan kekasih. Tiada sejarah "bad blood" antara mereka. Pada hari kejadian OKT cuba memujuk simati untuk berbaik kembali.
3. Menurut pembelaan yang dikemukakan (setakat perbicaraan sebelum pengakuan salah dibuat) adalah simati telah bertindak menghempas barang-barang di dalam rumah dan simati mengambil pisau kerana takut. Si mati tiba-tiba meluru ke atas tertuduh dan menyebabkan tertuduh tertikam simati.
4. Keterangan menunjukkan rumah sewa (studio) sememangnya dalam keadaan bersepeh. Terdapat 1 kesan tikaman pada dada simati yang mengakibatkan kematian.
5. OKT sendiri yang menelefon pihak Polis dan meminta bantuan.

Trend hukuman adalah sekitar 15 tahun. Hukuman 12 tahun adalah wajar dengan fakta dan keadaan kes ini. Ianya bukanlah hukuman yang *manifestly inadequate*. Oleh itu saya tidak mencadangkan rayuan dibuat.

Sekian. Terima kasih.

Nama : TETRALINA BINTI AHMED FAUZI  
Jawatan : TIMBALAN PENDAKWA RAYA  
No. Telefon : 017-3492456



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA  
(ATTORNEY GENERALS CHAMBERS, MALAYSIA)  
NO. 45, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

**ULASAN KETUA UNIT RAYUAN**

LKK diteliti dan dipersetujui tiada rayuan terhadap hukuman. OKt telah mengaku salah atas pertuduhan pilihan dibawah S304(a) KK sebaik sahaja pertuduhan pilihan ditawarkan.

Pada pandangan saya hukuman 12 tahun penjara mencukupi mengambil kira berlaku percaduhan antara simati dan OKT yang merupakan pasangan kekasih, Hanya terdapat 1 tikaman dan OKT bertindak menghubungi polis bagi mendapatkan bantuan.

Hukuman tidaklah "manifestly inadequate".

Nama : ASMAH BINTI MUSA

Jawatan : KETUA UNIT

**ULASAN/KEPUTUSAN TIMB KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN**

Setuju rayuan terhadap hukuman tidak dikemukakan kerana hukuman 12 tahun penjara daripada tarikh tangkap bukannya grossly inadequate.

Nama : MUHAMAD ISKANDAR BIN AHMAD

Jawatan : TIMBALAN KETUA BAHAGIAN II

**KEPUTUSAN KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN**

Setuju rayuan tidak difailkan. Hukuman adalah memadai dengan kesalahan yang dilakukan

Nama : YUSAINI AMER BIN ABDUL KARIM

Jawatan : TIMBALAN KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN I

**TUTUP FAIL**

Memenuhi KPI : MEMENUHI KPI

Memihak Kepada : PP

Keputusan : TIDAK RAYU

Tarikh Rayuan Difailkan :

Catatan : Rayuan tidak difailkan pada 20 Mac 2025. LKK selesai dan ditutup pada 20 Mac 2025.

Tarikh : 20/03/2025

IZYAN LIANA BINTI RADZUAN  
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
UNIT RAYUAN, BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN